

10 MAR 2002
Umno-Hukuman

KETUA UMNO JELUTONG BERSYUKUR HUKUMAN TERHADAPNYA DIBATALKAN

PULAU PINANG, 10 Mac (Bernama) -- Ketua Umno Bahagian Jelutong Mohd Noor Hussain, yang digantung jawatannya satu penggal sejak tahun lepas, hari ini menyifatkan pelepasan daripada hukuman itu telah memberinya satu pengajaran yang amat bermakna dalam karier politiknya.

Beliau berkata, pengumuman Perdana Menteri yang juga presiden parti bahawa Majlis Tertinggi (MT) bersetuju membatalkan hukuman disiplin terhadap tujuh daripada pemimpin parti itu, benar-benar melegakannya.

Mohd Noor adalah salah seorang pemimpin bahagian yang dikatakan turut diberi kemaafan setelah jawatankuasa rayuan meneliti kes beliau yang didakwa terbabit dengan salah laku pada mesyuarat pemilihan bahagian itu tahun lepas.

"Saya amat bersyukur pada Tuhan dan berterima kasih kepada Perdana Menteri (Dr Mahathir) dan timbalannya, anggota-anggota MT dan juga pemimpin Umno yang telah memberi peluang untuk saya terus menerajui bahagian Jelutong ini," kata beliau.

Dr Mahathir semalam berkata, MT memutuskan hukuman terhadap tujuh pemimpin dan ahli parti yang dikenakan tindakan oleh Lembaga Disiplin tahun lepas dibatalkan oleh jawatankuasa rayuan.

Mohd Noor berkata, walaupun belum menerima surat rasmi mengenai pelepasannya dari hukuman itu, beliau telah menerima panggilan telefon dari ibu pejabat Umno yang memaklumkan mengenainya.

Katanya, hukuman pengantungannya jawatan terhadapnya telah memberi kesedaran mengenai betapa pentingnya memelihara keharmonian dalam parti walaupun seseorang itu mempunyai jawatan atau tidak.

Beliau berkata, semua pihak dalam Umno seharusnya mengeneipkan sebarang kepentingan peribadi dan meletakkan keutamaan parti dalam sebarang keadaan.

"Saya akan mengadakan mesyuarat bahagian tidak lama lagi dan berterima kasih kepada Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Hilmi Yahaya yang telah menjalankan tugas sebagai penyelarasan bahagian sepanjang tempoh hukuman dikenakan terhadap saya", kata beliau.

--BERNAMA

AZE ZB